

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA,  
PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM [ BALING ]**

**TARIKH : 17 OKTOBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 8**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan apakah status terkini Dasar Keusahawanan Nasional 2030 dan kesan positif terhadap masa depan usahawan muda Bumiputera dalam negara.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) telah melancarkan Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN2030) pada 11 Julai 2019 yang lalu. Perancangan dan formulasi strategi di bawah DKN2030 telah dirangka dengan mengambil kira faktor jangka pendek, sederhana dan panjang serta garis masa bagi menyusun rancangan pelaksanaan yang berkesan ke arah mencapai hasrat Negara Keusahawanan Unggul menjelang tahun 2030.

2. DKN2030 telah menggariskan lima sasaran untuk dicapai dalam tempoh jangka sederhana pada tahun 2025 dan jangka panjang menjelang tahun 2030, seperti berikut:

- (i) memperbaiki dan meningkatkan kedudukan Malaysia dalam indek-indeks antarabangsa berkaitan keusahawanan seperti

## NO. SOALAN: 8

*Global Entrepreneurship Index, Global Competitiveness Index, Global Innovation Index dan Ease of Doing Business;*

- (ii) meningkatkan sumbangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) ke 50% menjelang tahun 2030;
- (iii) meningkatkan penyediaan pekerjaan yang dijana oleh PKS kepada 80% menjelang tahun 2030;
- (iv) meningkatkan sumbangan PKS kepada nilai eksport ke 30% menjelang tahun 2030; dan
- (v) meningkatkan sumbangan perolehan Koperasi kepada RM60 bilion menjelang tahun 2030.

3. Sehingga 2018, PKS telah menyumbang sebanyak 38.3% kepada KDNK negara dan peluang pekerjaan yang dijana oleh PKS sebanyak 66.2%. Selain itu, pada tahun 2018, PKS telah menyumbangkan sebanyak 17.5% kepada nilai eksport negara dan sumbangan perolehan koperasi bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM40.3 bilion.

Yang di-Pertua,

4. Strategi dan inisiatif di bawah DKN2030 adalah signifikan bagi mewujudkan sebuah ekosistem keusahawanan yang kondusif dan lengkap dalam melahirkan usahawan yang berkualiti dan berjaya merangkumi usahawan muda Bumiputera.

5. MED melalui agensi-agensinya di bawahnya telah merangka pelbagai program bagi menggalakkan keusahawanan dalam kalangan belia dan usahawan muda Bumiputera. Sejak diperkenalkan pada tahun 2014, Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) telah berjaya melatih 4,380 belia Bumiputera dan mewujudkan 9,955 pekerjaan baharu. Program ini turut dirasionalisasikan dan diperkukuhkan dengan penyertaan Orang Asli dan Orang Kelainan Upaya bagi meluaskan inklusiviti dan meningkatkan taraf hidup masyarakat.

## NO. SOALAN: 8

6. Selain itu, melalui Program Pembiayaan Usahawan Siswazah (PPUS), sehingga Ogos 2019 sebanyak RM30,642,000.00 pembiayaan telah dimanfaatkan kepada 1,506 orang usahawan graduan dan 456 orang usahawan telah mendapat pembiayaan melalui Program Agropreneur Muda (PAM) bernilai RM17,127,932.00.

7. Manakala program latihan keusahawanan *PROTÉGÉ Reach-Out & Awareness* dan *Awareness by GLC* yang melibatkan kerjasama antara pihak industri, agensi dan universiti di seluruh Malaysia sehingga September 2019, program ini telah membantu 24,385 belia. Melalui program ini telah memupuk minat belia, pelajar dan graduan terhadap bidang keusahawanan dan menjadikan bidang ini sebagai kerjaya utama selepas bergraduasi. Melalui program *PROTÉGÉ Business Accelerator* pula, seramai 36 anak muda telah diperkasa sebagai usahawan di mana usahawan muda ini diberikan latihan intensif bagi meningkatkan kemahiran dan produktiviti syarikat.

8. Selain itu, sebanyak 34,790 usahawan muda Bumiputera telah dibangunkan melalui program-program khas di bawah *Malaysian Global Innovation & Creativity Centre* (MaGIC) berdasarkan keperluan ekosistem keusahawanan bermula di peringkat ideasi dan prototaip, pengkomersialan serta perkembangan pasaran sehingga ke peringkat ASEAN. Pembangunan usahawan di bawah MaGIC ini meliputi pelbagai jenis keusahawanan termasuk keusahawanan sosial.

Sekian, terima kasih.